



KOLEJ PROFESIONAL MARA INDERA MAHKOTA
LOT NO : 14687, JALAN SUNGAI LEMBING,
25200 KUANTAN, PAHANG.



Tel : 09-5736304 / 6346
Faks : 09-5736423
Laman Web : www.kpmim.edu.my

No. Rujukan Kami : KPM/KTN/HEP C3(117)
Tarikh : 11 Februari 2021
29 Jamadilakhir 1442H

Semua Pelajar KPM Indera Mahkota,

Saudara/saudari,

MAKLUMAN KEMASUKAN SEMULA PELAJAR KOLEJ PROFESIONAL MARA INDERA MAHKOTA (KPMIM) BAGI SESI 1/2021

Perkara di atas, memo daripada Bahagian Pendidikan Tinggi MARA bertarikh 9 Februari 2021 (MARA.100-4/1/7 (30)) dan kenyataan Media Kementerian Pengajian Tinggi berkenaan kemasukan semula pelajar ke kampus secara fizikal bermula 1 Mac 2021 yang bertarikh 31 Januari 2021 adalah dirujuk.

2. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi pelajar KPM Indera Mahkota adalah seperti berikut:

TARIKH	PROGRAM	SEMESTER	MOD
8 hingga 26 Februari 2021	DCD, DCN, DIA & DEC	Semua semester	Pembelajaran Dalam Talian (PDT)
1 Mac hingga 13 Jun 2021	DCD, DCN, DIA & DEC	Semua semester kecuali DCD Semester 6	Pembelajaran Dalam Talian (PDT)
1 Mac hingga 13 Jun 2021	DCD	Semester 6	Pembelajaran Secara Fizikal di Kolej

3. Sehubungan itu, **semua pelajar DCD Semester 6** dikehendaki mendaftar asrama pada **28 Februari 2021 (Ahad), mulai jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang**. Sekiranya pelajar mempunyai gejala Covid-19 atau merupakan kontak rapat dengan kes positif Covid-19, sila maklumkan kepada Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar (TPHEP) dengan kadar segera setelah mendapat pengesahan daripada Pegawai Perubatan bertauliah.

4. Walau bagaimanapun, pergerakan pelajar dari zon Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) ke kampus adalah **ditangguhkan**. Sepanjang tempoh pelajar berada di kampus, semua pelajar tidak dibenarkan untuk "outing" atau pulang bermalam.

5. Bagi pergerakan pelajar dari Sabah ke Semenanjung, pelajar perlu menjalani ujian RT-PCR atau RTK-Ag COVID-19 dalam tempoh **tiga (3) hari** sebelum berlepas dari Sabah selaras dengan arahan yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi dan Majlis Keselamatan Negara. Hanya pelajar yang tidak bergejala dengan keputusan ujian negatif akan dibenarkan untuk meneruskan perjalanan.


6. Semua pelajar diminta untuk mengamalkan langkah norma baharu dengan memakai pelitup muka, mematuhi penjarakan fizikal, elakkan daripada bersentuhan, kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau cecair pembasmi kuman, menjalani saringan suhu setiap hari, mengamalkan etika batuk dan bersin yang betul serta memastikan kesihatan dan kebersihan diri sepanjang masa.

7. Bersama-sama ini disertakan SOP Am Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Bagi Seluruh Negeri Sabah dan SOP Sektor Pengajian Tinggi:PKP untuk rujukan dan panduan pelajar. Sebarang perubahan adalah tertakluk kepada arahan terkini daripada pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"LUAR BANDAR SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,



HJ. SUWANDI BIN SANUSI
Pegawai
Kolej Profesional MARA Indera Mahkota
Kuantan